

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 13 JUN 2014 (JUMAAT)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1.	MOSTI denies approving RM100 million grant for NSE Resouces Sdn Bhd	BERNAMA
2.	Nafi luluskan dana RM100j kepada NSE	Harian Metro
3.	MOSTI nafi dakwaan Rafizi	The Rakyat Post
4.	MOSTI nadi dakwaan Rafizi bagi kelulusan dana RM100 juta kepada NSE Resources	The Malaysian Insider
5.	Rafizi: Dubious MOSTI grant recipient to profit for 'free'	The Malay Mail
6.	DNA puntung rokok ada kaitan tertuduh	Berita Harian
7.	Profil DNA, Kad darah sepadan	Utusan Malaysia
8.	Kes bunuh pengasas Ambank: DNA pada puntung rokok sepadan dengan DNA tertuduh	BERNAMA
9.	Expert: DNA on ciggie matched that of accused	The Star
10.	Matching DNA found on cigarette butt	The Sun
11.	DNA of murder accused found on cigarette	New Straits Times
12.	Fokus pada saintis bantu Malaysia capai negara maju – Dr. Mahathir	Utusan Malaysia
13.	Dr Asma wanita pertama jawat Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi	BERNAMA
14.	Piala dunia: Jangan abai tugas	Utusan Malaysia

BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM  
TARIKH: 13 JUN 2014 (JUMAAT)



## Mosti Denies Approving RM100 Million Grant For NSE Resources Sdn Bhd

PUTRAJAYA, June 12 (Bernama) -- [Science, Technology and Innovation Minister Datuk Dr Ewon Ebin](#) today denied allegation that his ministry (Mosti) has approved a RM100 million grant to NSE Resources Corporation (M) Sdn Bhd.

"I would like to inform you that Mosti has not received any application from the company and stressed that the issue of approving RM100 million grant does not arise and not true at all," he said in a statement today.

Ewon said application for such grant must meet the conditions set and assessed by a independent Technical Review Committee before considered by the Fund Approval Committee.

The conditions include pre-commercialisation projects, original or novelty, proof of concept and maximum quantum of RM3 million.

More information can be found in the Pre-Commercialisation Fund (Technofund) Guidelines for Applicants which can be accessed via the Mosti portal.

Pandan Member of Parliament Rafizi Ramli had alleged that Mosti had approved a RM100 million grant for NSE Resources Corporation (M) Sdn Bhd.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR  
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 31  
TARIKH: 13 JUN 2014 (JUMAAT)

**Putrajaya:** Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin semalam menafikan dakwaan Ahli Parlimen Pandan, Rafizi Ramli, bahawa kementeriannya meluluskan dana berjumlah RM100 juta kepada syarikat NSE Resources Corporation (M) Sdn Bhd.

"Suka saya memaklumkan bahawa sehingga hari ini, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) belum menerima sebarang borang permohonan rasmi daripada syarikat berkenaan dan menegaskan bahawa isu meluluskan dana berjumlah RM100 juta tidak timbul dan tidak benar sama sekali," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Beliau menjelaskan sebarang permohonan dana hen-

## Nafi luluskan dana RM100j kepada NSE

“ MOSTI belum menerima sebarang borang permohonan rasmi daripada syarikat berkenaan ”

**Dr Ewon**

daklah memenuhi syarat yang ditetapkan dan dinilai oleh sebuah Jawatankuasa Penilaian Teknikal bebas sebelum dipertimbangkan Ja-

watankuasa Kelulusan Dana.

Antara syarat tersebut ialah projek di peringkat pra-pengkomersilan, mempunyai keaslian atau novelti, pembuktian konsep dan kuantum maksimum RM3 juta.

Maklumat lanjut permohonan dana boleh dirujuk dalam Pre Commercialisation Fund (Technofund) Guidelines for Applicants yang boleh dilayari melalui portal MOSTI dan jumlah permohonan dana ialah RM3 juta sahaja. —BERNAMA

# The Rakyat Post™

## MOSTI nafi dakwaan Rafizi



PUTRAJAYA, 12 Jun:

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin menafikan dakwaan Ahli Parlimen Pandan, Rafizi Ramli, bahawa kementerianya meluluskan dana berjumlah RM100 juta kepada syarikat NSE Resources Corporation (M) Sdn Bhd.

---

*Ewon menafikan dakwaan Rafizi bahawa kementerianya meluluskan dana berjumlah RM100 juta kepada syarikat NSE Resources Corporation (M) Sdn Bhd.*

---

“Suka saya memaklumkan bahawa sehingga hari ini, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) belum menerima sebarang borang permohonan rasmi daripada syarikat berkenaan dan menegaskan bahawa isu meluluskan dana berjumlah RM100 juta tidak timbul dan tidak benar sama sekali,” katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Beliau menjelaskan, sebarang permohonan dana hendaklah memenuhi syarat-syarat ditetapkan dan dinilai sebuah Jawatankuasa Penilaian Teknikal bebas, sebelum dipertimbangkan Jawatankuasa Kelulusan Dana.

Antara syarat-syarat itu adalah projek di peringkat prapengkomersilan, mempunyai keaslian atau novelti, pembuktian konsep dan kuantum maksimum RM3 juta.

Maklumat lanjut permohonan dana boleh dirujuk dalam Pre Commercialisation Fund (Technofund) Guidelines for Applicants, di portal MOSTI dan jumlah permohonan dana maksimum adalah RM3 juta.



## Mosti nafi dakwaan Rafizi bagi kelulusan dana RM100 juta kepada NSE Resources

**Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin** hari ini menafikan dakwaan Ahli Parlimen Pandan, Rafizi Ramli, bahawa kementerianya meluluskan dana berjumlah RM100 kepada syarikat NSE Resources Corporation (M) Sdn Bhd.

"Suka saya memaklumkan bahawa sehingga hari ini, Kementerian Sains, teknologi dan Inovasi (Mosti) belum menerima sebarang borang permohonan rasmi daripada syarikat berkenaan dan menegaskan bahawa isu meluluskan dana berjumlah RM100 juta tidak timbul dan tidak benar sama sekali,"katanya dalam kenyataan di Putrajaya hari ini.

Beliau menjelaskan sebarang permohonan dana hendaklah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dan dinilai oleh sebuah Jawatankuasa Penilaian Teknikal bebas sebelum dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Kelulusan Dana.

Antara syarat-syarat tersebut ialah projek di peringkat prapengkomersilan, mempunyai keaslian atau novelti, pembuktian konsep dan kuantum maksimum RM3 juta.

Maklumat lanjut permohonan dana boleh dirujuk dalam Pre Commercialisation Fund (Technofund) Guidelines for Applicants yang boleh dilayari melalui portal Mosti dan jumlah permohonan dana ialah RM3 juta sahaja

## Rafizi: Dubious Mosti grant recipient to profit for 'free'

KUALA LUMPUR, June 12 — A company accused of abusing federal research and development grants will rake tens of million in "free" profits annually as it will not have invested any money in the business, PKR strategy director Rafizi Ramli claimed today.

The Pandan MP said since NSE Resources Sdn Bhd's operations are funded by a federal research and development (R&D) grant worth RM100 million, the company will not have to repay Putrajaya.

"When the project is fully operational by 2015, the yearly income will be RM68 million annually and is expected to rise to RM78 million by 2023. The operational profit is expected to be RM27 million by 2015 and likely to increase to RM31 million annually in 2023.

"This means with the RM100 million grant which I can surmise is not required to be repaid as it is a grant and not loan — this NSE company will make huge profits yearly from its commercial projects without having to cough out any capital as the project is funded by the rakyat through government grant," he told reporters in Parliament here.

Yesterday the PKR leader claimed to possess the two support letters for a company called NSE Resources Sdn Bhd, to conduct research-and-development (R&D) for a gasifier steam boiler plant and make Malaysia a hub for "premier renewable energy based on sustainable woodchip biomass".

The letters were allegedly penned by Najib and **Minister of Science, Technology and Industry (Mosti) Datuk Ewon Ebin.**

Attempts to verify the letters were rejected by the Dewan Rakyat Speaker's office yesterday, Rafizi revealed.

He also insisted that Putrajaya's refusal to deny the letters' existence suggested they were authentic.

Rafizi had previously claimed that government research grants have become an unchecked "hub" for crony companies to receive taxpayers cash "for free".

He also alleged that government grants worth RM1.15 billion were abused to enrich yet-to-be-named individuals linked to the government.

Research grants are fixed expenditure in the federal budget aimed at boosting investment and innovation.

The Pandan lawmaker noted that the grant system does not require private companies to repay the money, which makes it susceptible to abuse if not checked.

KES BUNUH PENGASAS AMBANK



# DNA puntung rokok ada kaitan tertuduh

» Keputusan diperoleh hasil bandingan sampel darah

“Keputusan itu diperoleh selepas membandingkan DNA pada puntung rokok dengan sampel darah tertuduh, Kong Swee Kwan, yang diberi oleh pihak polis pada 2 Oktober tahun lalu”

**Seah Lay Hong,**  
Ketua Bahagian Jenayah  
DNA Jabatan Kimia  
Malaysia

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali  
ajohari@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**M**ahkamah Tinggi di sini, semalam diberitahu, ujian asid deosiribonukleik (DNA) menunjukkan DNA pada puntung rokok ditemui di lokasi pengasas Kumpulan Perbankan Arab Malaysia (AmBank) Hussain Ahmad Najadi ditembak mati, berpadanan dengan DNA tertuduh dalam kes itu.

Ketua Bahagian Jenayah DNA Jabatan Kimia Malaysia, Dr Seah Lay Hong, dalam keterangannya berkata, keputusan itu diperoleh selepas membandingkan DNA pada puntung rokok dengan sampel darah tertuduh, Kong Swee Kwan, yang diberi oleh pihak polis pada 2 Oktober tahun lalu.

Menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya, T Deepa Nair, pada sesi pemeriksaan utama, saksi ke-13 pendakwaan itu berkata, ujian perbandingan yang

dijalankan mendapati profil DNA Swee Kwan berpadanan dengan DNA pada puntung rokok, menunjukkan ia berasal daripada sumber sama.

Sementara itu, Pegawai Turus D10 Jabatan Forensik Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur, Pemangku Deputi Superintendan Zuraimi Zam Zam, berkata beliau menemui empat puntung rokok yang masih baharu di sebuah gerai makan berhampiran tokong Cina.

Zuraimi berkata, kedudukan keempat-empat puntung rokok itu adalah sejauh 10 meter dari lokasi mayat Hussain, iaitu di tempat letak kereta tokong dan enam meter dari tokong berkenaan.

## Beri keterangan

Selepas membuat penandaan terhadap barang bukti itu, beliau memasukkannya ke dalam bungkus dan dimeterai sebelum diserahkan kepada pegawai penyiasat, Asisten Superintendan R Ananthan.

Zuraimi dan Lay Hong memberi keterangan terhadap Swee Kwan yang didakwa membunuh Hussain.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksan yang boleh dikenakan hukuman mati mandatori.

Swee Kwan turut didakwa mengikut Seksyen 307 Kanun

Keseksan kerana cuba membunuh isteri Hussain, Cheong Mei Kuen, yang jika sabit kesalahan, boleh dihukum penjara maksimum 20 tahun.

Kedua-dua kesalahan itu dilakukan di tempat letak kereta tokong Cina Kuan Yin dekat Lorong Ceylon di sini, antara jam 1.30 tengah hari dan 2 petang, pada 29 Julai tahun lalu.

## Temui kelongsong peluru

Menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya Wan Shahrudin Wan Ladin, Zuraimi yang menjalankan siasatan forensik di lokasi kejadian pada 29 Julai tahun lalu berkata, mayat Hussain ditutup dengan plastik hitam dalam keadaan terlentang dan mempunyai kesan darah pada bajunya.

Saksi itu berkata, beliau turut menemui tujuh kelongsong peluru berdekatan mayat dan tiga serpihan anak peluru di bawah badannya, selain mendapati kesan tembakan di dada serta rusuk.

Zuraimi berkata, kelongsong peluru dan anak peluru itu dimasukkan dalam beg plastik dan dimeterai sebelum diserahkan kepada Ananthan.

Perbicaraan di depan Hakim Datuk Azman Husin bersambung hari ini.

KERATAN AKHBAR  
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 27  
TARIKH : 11 JUN 2014 (JUMAAT)

Kes bunuh pengasas Kumpulan AmBank, cubaan bunuh isterinya

# Profil DNA, kad darah sepadan

Oleh SUWARNI MOKHTAR  
pengarang@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR** 12 Jun - Profil asid deoksiribonukleik (DNA) yang diperoleh daripada satu puntung rokok yang ditemui di sebuah gerai makan terletak di pekarangan sebuah tokong Cina berpadanan dengan profil DNA seorang lelaki bernama Koong Swee Kwan.

Menurut ahli kimia dari Jabatan Kimia, Dr. Seah Lay Hong, pada 1 Ogos tahun lalu, beliau menerima enam bahan bukti daripada seorang pegawai polis, Inspektor Mohd. Nor Abdul Wahab, iaitu empat daripadanya sampul-sampul berisi puntung rokok.

Analisis lanjut ke atas puntung rokok yang ditandakan ED2, ED3, ED4 dan ED5 mendapati tiga daripadanya mempunyai profil DNA daripada tiga lelaki yang berbeza dan tidak dikenali, katanya di Mahkamah Tinggi di sini hari ini.

"Bagi puntung rokok bertanda ED2, saya dapati ia berpadanan de-

ngan profil DNA seorang lelaki bernama Wong Chee Meng. Bagi profil DNA ED3, ED4 dan ED5, tiada padanan diperoleh namun penyumbang adalah tiga lelaki berbeza. Saya tandakan setiap satu sebagai Male 1, Male 2 dan Male 3," katanya yang juga Ketua Unit Jenayah Berat, Bahagian DNA Divisyen Forensik, Jabatan Kimia.

Menurut keterangan saksi sebelum ini, Chee Meng merupakan individu yang membawa suspek utama ke itu ke tempat kejadian.

Saksi pendakwaan ke-13 itu berkata demikian pada perbicaraan kes penarik kereta, Swee Kwan yang didakwa atas tuduhan membunuh Pengasas Kumpulan Perbankan Arab-Malaysia (AmBank), Hussain Ahmad Najadi dan cubaan membunuh isterinya, Cheong Mei Kuen.

Perbuatan itu didakwa dilakukan



HUSSAIN AHMAD NAJADI

di tempat letak kereta di Tokong Cina Kuan Yin, No. 4, Lorong Ceylon, Dang Wangi antara pukul 1.30 dan 2 petang, 29 Julai tahun lalu.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan-Timbalan Pendakwa Raya, Wan Shaharuddin Wan Ladin, Yusaini Amer Abd. Karim dan T. Deepa Nair manakala

ia tertuduh diwakili peguam bela, Zambri Idrus.

Lay Hong dalam keterangannya menyatakan, ada menerima satu sampel kad pemeriksaan darah daripada Inspektor Sin Yen Long pada 2 Oktober 2013.

Selepas membuat analisis, beliau melakukan perbandingan dengan tiga sampel yang tidak dikenal pasti dan mendapati ia (profil DNA kad pemeriksaan darah) berpadanan dengan profil DNA Male 1.

"Pada kad pemeriksaan darah itu tertulis nama Koong Swee Kwan dan sampel darah pada kad itu berpadanan dengan profil DNA ED3 atau Male 1. Kebarangkalian profil DNA itu mempunyai padanan adalah pada kadar 1 nisbah 70-kuintilion (70 x 10 kuasa 18) bagi kaum Cina," tambahnya.

Pada hari pertama perbicaraan, Pegawai Perubatan dari Jabatan Perubatan Forensik, Hospital Kuala Lumpur (HKL), Dr. Sue Anida Azman memberitahu mahkamah, beliau ada mengambil sampel darah daripada seorang suspek lelaki bernama Koong Swee Kwan pada 30 September 2013 dan meletakkannya pada sekeping kad pemeriksaan lengkap dengan nama suspek tersebut.

Sementara itu, saksi pendakwa ke-14, Deputy Supritendan Zuraimi Zam Zam dari Jabatan Forensik Ibu Pejabat Kontinjen Polis Kuala Lumpur berkata, pada 27 Julai 2013, beliau bersama-sama lapan anggota pasukannya membuat pemeriksaan

di sebuah gerai kira-kira 10 meter daripada rumah ibadat terbabit menemukan empat puntung rokok yang masih baru.

Bahan-bahan bukti itu dimasukkan ke dalam sampul sebelum diserahkan kepada pegawai penyiasat, Inspektor Ananthan Kumar.

Sebelum menemui puntung rokok terbabit, Zuraimi memberitahu, pasukannya menemui tujuh ke-longsong peluru dan tiga serpihan anak peluru berhampiran mayat seorang lelaki yang dipercayai telah ditembak di pekarangan tempat meletak kenderaan tokong tersebut.

"Kelongsong ditemui dalam jarak antara 0.8 dan 3.5 meter manakala serpihan anak peluru ditemui di bawah mayat lelaki itu selepas jasad tersebut dialihkan. Puntung rokok pula ditemui dalam jarak 10 meter dari mayat dan enam meter dari tokong," katanya.

Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Mohd. Azman Husin bersambung esok.





## **Kes Bunuh Pengasas Ambank: DNA Pada Puntung Rokok Sepadan Dengan DNA Tertuduh**

KUALA LUMPUR, 12 Jun (Bernama) -- Seorang saksi memberitahu Mahkamah Tinggi di sini bahawa Asid Deoksiribonukleik (DNA) dalam satu daripada empat puntung rokok yang dijumpai di tempat pengasas Kumpulan Perbankan Arab-Malaysian (AmBank) Hussain Ahmad Najadi dibunuh, berpadanan dengan DNA tertuduh, Koong Swee Kwan.

Ketua Bahagian Jenayah DNA daripada Jabatan Kimia Malaysia, Dr Seah Lay Hong, 53, memberitahu mahkamah hasil itu diperolehi daripada ujian yang dilakukannya selepas menerima sampel darah tertuduh pada 2 Okt 2013.

Beliau berkata berdasarkan perbandingan yang dilakukannya, profil DNA Koong sepadan dengan ekshibit puntung rokok 'lelaki 1', dan menunjukkan ia daripada sumber yang sama.

Ketika disoal Timbalan Pendakwa Raya T.Deepa Nair dalam pemeriksaan utama bagaimana DNA Koong ditemui pada puntung rokok itu, beliau menjelaskan: "Rokok itu telahpun dihisap, berada pada mulut perokok (Koong), dan ini memindahkan air liur yang mengandungi DNA dari mulut ke puntung rokok itu."

Dr Seah berkata demikian dalam perbicaraan Koong, 45, seorang penarik kereta, yang didakwa membunuh Hussain, 75, di tempat letak kereta Tokong Kuan Yin di No.4 Lorong Ceylon, di sini 1.30 tengah hari hingga 2 petang pada 29 Julai, 2013.

Koong juga didakwa cuba membunuh isteri Hussain, Cheong Mei Kuen, 49, di tempat dan pada waktu sama.

Dr Seah, yang merupakan saksi pendakwaan ke-13 memberitahu mahkamah beliau menerima empat sampel puntung rokok itu yang dimasukkan ke dalam sampul surat berasingan daripada seorang pegawai penyiasat dari Ibu Pejabat Polis Dang Wangi, Inspektor Mohd Nor Abdul Wahab, pada 1 Ogos 2013.

Sementara itu, Pegawai Turus D10 Forensik dari Ibu Pejabat Kontinjen Kuala Lumpur, Pemangku DSP Zuraimi Zam Zam, 45, Khamis memberitahu mahkamah bahawa beliau ada menemui empat puntung rokok di sekitar tempat makan berpayung, di dalam kawasan tokong berkenaan.

"Kedudukan puntung rokok itu terletak lebih kurang 10 meter daripada mayat (Hussain) dan enam meter daripada tokong," katanya yang tiba di lokasi kejadian pada 3.15 petang, hari kejadian.

Saksi pendakwaan ke-14 itu memaklumkan mahkamah, sebaik tiba di tempat kejadian, beliau diberi taklimat oleh pegawai penyiasat, ASP Ananthan Rajoo sebelum diarahkan membuat pemeriksaan ke atas mayat dan tempat kejadian.

"Ketika itu keadaan mangsa sudah ditutup dengan plastik hitam dan diletakkan di bawah payung," katanya.

Ketika ditanya Timbalan Pendakwa Raya Wan Shahrudin Wan Ladin bagaimana keadaan mangsa ketika itu, Zuraimi memberitahu sebaik membuka plastik hitam beliau mendapati mayat lelaki dalam keadaan terlentang dan terdapat kesan darah pada baju si mati.

"Saya juga melihat terdapat kelongsong peluru berdekatan si mati dan apabila membuka baju si mati, saya dapati kesan tembakan di dada dan rusuk," katanya yang memaklumkan terdapat tujuh kelongsong peluru yang ditemuinya di tempat kejadian.

Beliau juga memaklumkan ada menemui tiga serpihan anak peluru di bawah badan mangsa sebelum menyerahkan barang kes itu kepada ASP Ananthan.

Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Mohd Azman Husin bersambung esok.

-- BERNAMA

# Expert: DNA on ciggie matched that of accused

Evidence found at car park where Najadi was killed, High Court told

By MAIZATUL NAZLINA  
nazlina@thestar.com.my

**KUALA LUMPUR:** The DNA profile of tow truck driver Koong Swee Kwan was found at the car park in Lorong Ceylon here where Arab-Malaysian Development Bank founder Hussain Ahmad Najadi was killed, the High Court was told.

National Chemistry Department crime DNA unit head Dr Seah Lay Hong testified that police gave her several sealed envelopes containing, among others, four cigarette butts to make tests on three separate occasions.

"After comparing the DNA profile of three men, the first male profile matched the DNA profile of Koong which was found on one of the cigarette butts," said the 13th prosecution witness.

She was replying to DPP T. Deepa Nair during the examination-in-chief in the trial of Koong, who is charged with murdering Hussain, 75, and attempting to murder his wife Cheong Mei Kuen, 49.

Koong was alleged to have committed the offences at a parking lot at the Kuan Yin temple at No 4 Lorong Ceylon here between 1.30pm and 2pm on July 29 last year, and was charged under Sections 302 and 307 of the

Penal Code.

To another question, Dr Seah said that when a cigarette butt was placed in the mouth, the saliva transferred the DNA of the smoker onto the butt.

Acting Deputy Supt Zuraimi Zam Zam, who is with the forensic laboratory division of the police contingent headquarters, said he and his seven-man team reached the scene at about 3.15pm.

He said he saw the victim was covered by a black plastic and an umbrella was over his body.

"When I pulled back the plastic, I found that the victim was lying on his back facing up and traces of blood were on his body.

"I then unbuttoned his shirt and discovered traces which I believed were gunshot marks," he said, adding that he found seven bullet casings at the scene which were scattered between 0.8m and 3.5m from the body.

He handed the bullet casings to investigating officer Asst Supt R. Ananthan.

DSP Zuraimi also said four cigarette butts which were located about 10m from the victim and 6m from the temple were discovered at a food stall in the area.

The trial before High Court judge Justice Mohd Azman Husin continues today.

## Matching DNA found on cigarette butt

**KUALA LUMPUR:** A witness told the High Court here yesterday that the deoxyribonucleic acid (DNA) in one of the four cigarette butts found at the location where the founder of Arab-Malaysian Banking Group (AmBank), Hussain Ahmad Najadi was killed, was consistent with the DNA of the accused, Koong Swee Kwan.

**Chemistry Department Crime DNA Unit Head, Dr Seah Lay Hong, 53,** told the court that the results were obtained from the test conducted after the accused's blood samples were received on Oct 2, 2013.

"On my comparison, Koong's DNA profile matched with one of the exhibits, the cigarette butt, indicating a common origin," she said.

When asked by deputy public prosecutor T. Deepa Nair during the examination-in-chief on how Koong's DNA could be found on the cigarette butt, she explained that the cigarette had been smoked, put in the mouth of the smoker (Koong) and saliva had been transferred, posting his DNA on it.

Seah was giving evidence at the trial of Koong, 45, a tow-truck operator, who was alleged to

have murdered Hussain, 75, at the Kuan Yin Temple car park at No. 4, Lorong Ceylon, between 1.30pm and 2pm on July 29, 2013.

Koong was also alleged to have attempted to murder Hussain's wife, Cheong Mei Kuen, 49, at the same place.

Seah, who was the prosecution's 13th witness, told the court that she received four

養命酒  
Yomeishu

Get well sooner.  
Alleviate weakness  
after illness with Yomeishu.

萬豐 Imported & Distributed by Banfoong Sydney (M) Sdn. Bhd. 175049-14  
Tel. 03-9285 2644/2779/3984 Fax. 03-9285 4213

samples of cigarette butts in four separate envelopes from an investigation officer from the Dang Wangi police headquarters, Inspector Mohd Nor Abdul Wahab, on August 1, 2013.

Meanwhile, Kuala Lumpur police headquarters forensic staff officer, acting DSP Zuraimi Zam Zam, 45, told the court that he found four cigarette butts in an eating area near the temple.

The trial before Justice Datuk Mohd Azman Husin continues today. - Bernama

# DNA of murder accused found on cigarette

**BANKER'S MURDER:** Saliva sample found to be a match, says Chemistry Dept Crime DNA head

**HIDIR REDUAN**  
KUALA LUMPUR  
news@nst.com.my

**M**URDER accused Koong Swee Kwan's DNA was on a cigarette butt that was retrieved at a temple parking lot here where Arab-Malaysian Development Bank founder Hussain Ahmad Najadi was gunned down.

Chemistry Department's Crime DNA Unit head, Dr Seah Lay Hong, told the High Court that DNA testing on four cigarette butts collected from the Kuan Yin Temple parking lot matched Koong's DNA profile.

During examination-in-chief by deputy public prosecutor T. Deepa Nair yesterday, Dr Seah said saliva samples from the smoker's mouth found on the cigarette was extracted for DNA testing.

Koong, 45, is on trial for murdering Hussain, 75, as well as for attempted murder of his wife, Cheong Mei Kuen, 50, a managing consultant, at the Kuan Yin Temple parking lot at No. 4, Lorong Ceylon, Dang Wangi, here, between 1.30pm and 2pm, on July 29, last year.

The 13th prosecution witness said Koong's DNA male profile was found from among four cigarette butt samples sent by the police to the Chemistry Department on Aug 1 last year.

Acting Deputy Superintendent Zuraimi Zam Zam, attached with the Forensic Laboratory Division (D10) of the Kuala Lumpur Police headquarters, testified that he and seven officers found the cigarette butts at food stalls within the temple compound.

Zuraimi said after they arrived at the temple parking lot about 3.15pm on July 29 last year, they gathered the cigarette butts from stalls about 10m from Hussain's body and 6m from the main temple building.

He said after being wrapped and sealed,



*Dr Seah Lay Hong says DNA testing on four cigarette butts collected from the Kuan Yin Temple parking lot matched Koong Swee Kwan's DNA profile*

the cigarette butts were handed over to Investigating Officer Assistant Superintendent R. Ananthan that same day.

He said they also collected three bullets from under Hussain's body and seven bullet casings scattered near the body. The evidence was given to Ananthan the same day.

He said the deceased's body was initially covered by black plastic before he pulled it off, revealing the corpse sprawled on the ground, drenched in blood.

"When I unbuttoned his (Hussain's) shirt, I found marks I believed to be gunshot marks to the chest and rib cage."

Hearing continues today before High Court judge Datuk Mohd Azman Husin.

The prosecution is headed by DPP Wan Shahrudin Wan Ladin. To date, 15 witnesses had testified in the course of the hearing, which began on Monday. They are expected to call Ananthan, who will be the last prosecution witness. Counsel Zamri Idrus led Koong's defence.

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 6**  
**TARIKH : 11 JUN 2014 (JUMAAT)**

## Fokus pada sains bantu Malaysia capai negara maju - Dr. Mahathir

KUALA LUMPUR 12 Jun - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menggesa lebih ramai rakyat Malaysia memberi tumpuan pada bidang sains untuk membolehkan hasrat Malaysia menjadi negara maju menjelang 2020 dapat dicapai.

Beliau berkata, selain memberi tumpuan terhadap matlamat menjadi negara berpendapatan tinggi, pencapaian dalam bidang sains juga akan menentukan sama ada negara berada pada landasan betul untuk menjadi negara maju.

"Malaysia mempunyai keupayaan untuk berbuat demikian sekiranya kita berterusan memberi tumpuan kepada bidang sains un-

tuk kehidupan lebih baik.

"Apabila memperkatakan tentang sains, saya fikir adalah penting bagi mata pelajaran (sains) dipelajari dalam bahasa Inggeris, jika kita mahu mengikuti perkembangan terkini hasil dapatan kajian di seluruh dunia," katanya dalam Majlis Anugerah Sains Mahathir 2013 di sini malam semalam.

Penerima anugerah itu, Profesor Alan Cowman, saintis dari Australia menerima US\$100,000 (RM321,184), pingat emas dan sijil bagi penyelidikan penting berkaitan malaria.

Sumbangan Cowman itu telah membawa kepada pengenalpastian

sasaran lebih baik bagi pembangunan ubat baharu terhadap jangkitan malaria, dan mempercepatkan usaha untuk menyelesaikan satu daripada masalah kesihatan di kawasan tropika.

Penyelidikan beliau telah membuka laluan untuk membangunkan vaksin khusus bagi jangkitan malaria yang terus menjadi punca kematian jutaan orang di Afrika dan Asia.

Yang turut hadir isteri Dr. Mahathir, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd Ali; Pengerusi Yayasan Anugerah Sains Mahathir, Tan Sri Samsudin Osman dan Presiden Akademi Sains Malaysia, Tan Sri Dr. Ahmad Tajuddin Ali. - BERNAMA



**DR. Mahathir Mohamad (dua dari kiri) menyampaikan Anugerah Sains Mahathir 2013 kepada Profesor Alan Cowman dalam Majlis Anugerah Sains Mahathir 2013 di Kuala Lumpur, kelmarin. Turut kelihatan Samsudin Osman (kiri) dan Ahmad Tajuddin Ali.**  
- BERNAMA



## Dr Asma Wanita Pertama Jawat Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi

PUTRAJAYA, 12 Jun (Bernama) -- Bekas Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Prof Datuk Dr Asma Ismail yang dilantik sebagai Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (KPPT) bermula 1 Jun lalu merupakan wanita pertama dilantik ke jawatan itu.

Beliau menggantikan Prof Datuk Dr Morshidi Sirat yang bersara.

Ditemui selepas Majlis Serah Tugas jawatan itu di sini hari ini, Asma yang merupakan KPPT kelima berkata beliau agak terkejut dengan pelantikan tersebut kerana baru sahaja menjawat Naib Canselor USIM selama setahun setengah.

Bagaimanapun beliau menganggap pelantikan itu sebagai amanah dan anugerah serta pengiktirafan yang sangat dihargai.

"Saya memang faham tentang tanggungjawab yang berat untuk jawatan ini. Ini bukan tugas yang mudah, menuntut segala kemahiran dan pengalaman yang ditimba dahulu untuk membawa pendidikan tinggi ke hadapan," katanya.

Asma merupakan lulusan Ijazah Kedoktoran Biologi Sel dan Molekul dari University of Nevada, Amerika Syarikat sebelum dianugerahi Ijazah Kehormat Kedoktoran Sains dari University of Glasgow, Scotland.

Beliau juga merupakan seorang pensyarah di Institut Penyelidikan Perubatan Molekul (INFORMM) Universiti Sains Malaysia (USM), seorang daripada anggota Jawatankuasa Penubuhan dan Panel Penaksir Universiti Penyelidikan (RU) serta pernah mempengerusikan Pasukan Petugas Khas untuk menghasilkan Pelan Strategik Modal Insan Inovasi Negara.

Asma juga adalah peneraju dan pengasas Anugerah Akademik Negara (AAN), dilantik sebagai anggota Dunia Ketiga Akademi Sains (TWAS) serta merupakan [Naib Presiden Akademi Sains Malaysia \(ASM\)](#).

Menganggap pelantikan itu juga sebagai hadiah hari jadi yang akan disambut 15 Jun nanti, Asma berkata beliau akan menggunakan peluang tersebut untuk membuat penambahbaikan terhadap ruang-ruang yang dilihat boleh diperbaiki sejak penglibatannya dalam bidang pengajian tinggi.

"Saya tahu banyak rintangan, banyak yang saya perlu pelajari tapi kita akan usahakan," katanya yang turut akan memberi perhatian dalam melicinkan proses kemasukan ke institusi pengajian tinggi.

**KERATAN AKHBAR  
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 10  
TARIKH : 11 JUN 2014 (JUMAAT)**

## Piala Dunia: Jangan abai tugas

SEREMBAN 12 Jun - Penjawat awam diingat agar mematuhi peraturan kerja sepanjang musim Piala Dunia 2014 yang bermula awal pagi esok, kata Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) (Operasi) Datuk Seri Zainal Rahim Seman.

Beliau berkata JPA tidak menghalang penjawat awam menonton televisyen bagi menyaksikan perlawanan Piala Dunia serta menyokong mana-mana pasukan yang mereka suka, namun jangan sampai menjejaskan prestasi dan tugas mereka.



“Kalau masuk kerja pukul 8 pagi, maka masuklah kerja pukul 8 pagi dengan penuh dedikasi seperti mana mereka menonton Piala Dunia itu dengan penuh dedikasi,” katanya pada sidang media selepas penutupan Hari Terbuka Psikologi Zon Selatan anjuran bersama JPA dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan di sini hari ini.

Zainal Rahim juga berkata ketua jabatan sudah sedia maklum dan akan memantau perkara itu serta mengambil tindakan tatatertib ke atas mana-mana individu yang melanggar peraturan.

Menyentuh program hari ini, beliau berkata ia merupakan inisiatif turun padang JPA dalam usaha mendekati pelanggan bagi mendengar serta melihat sendiri keperluan serta ekspektasi mereka terhadap perkhidmatan psikologi dan kaunseling. - BERNAMA